

NAMA ..... TINGKATAN .....

**MODUL PINTAS 2024  
TINGKATAN 5**

**3767/1**

**EKONOMI**

**Kertas 1**

**1 jam 15 minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

1 Kekurangan bagi firma ialah

- A pilihan pengeluaran terhad berbanding pemilikan input
- B pendapatan bulanan terbatas tetapi kehendak produk pelbagai
- C pemilikan faktor yang terhad sebaliknya target output lebih besar
- D perolehan hasil rendah sedangkan kos projek pembangunan yang tinggi

2 Gambar 1 menunjukkan faktor yang digunakan dalam proses pengeluaran.



Gambar 1

Pernyataan yang manakah betul tentang gambar tersebut?

- A Mendapat gaji bulanan kerana kebijaksanaan menguruskan sebuah syarikat
- B Menerima ganjaran atas sumbangan tenaga fizikal dalam pengeluaran
- C Menggabung pelbagai input untuk menghasilkan sejumlah output
- D Membekalkan pelbagai sumber ekonomi dalam kegiatan firma


- 3 Jadual 1 menunjukkan kombinasi pengeluaran bagi dua barang oleh sebuah firma.

<b>Barang mainan</b>	<b>Kombinasi pengeluaran</b>	
	<b>G</b>	<b>H</b>
Van	100 unit	80 unit
Bas	60 unit	90 unit

Jadual 1

Berapakah kos lepas sekiranya kombinasi pengeluaran berubah dari G ke H?

- A 20 unit van  
 B 30 unit bas  
 C 60 unit bas  
 D 80 unit van
- 4 Rajah 1 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran bagi barang A dan B.



Rajah 1

Pasangan yang manakah betul tentang titik kombinasi pengeluaran di atas?

<b>Titik kombinasi</b>	<b>Keterangan</b>
A P	Sumber ekonomi digunakan sepenuhnya
B P	Ekonomi mencapai guna tenaga penuh
C Q	Wujud kos lepas kesan pilihan input
D Q	Berlaku pembaziran faktor pengeluaran

5 Pernyataan yang manakah betul tentang sistem ekonomi perancangan pusat?

- I Motif pihak berkuasa untuk memaksimumkan kebajikan rakyat
  - II Kerajaan menentukan penggunaan sumber ekonomi dalam pengeluaran
  - III Rakyat dapat menikmati pelbagai pilihan bagi memenuhi kepuasan individu
  - IV Persaingan yang saksama dalam kalangan pengeluar dalam pengeluaran barang
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6 Maklumat berikut berkaitan sistem ekonomi yang diamalkan oleh dua buah negara.

Negara X		Negara Y
Pengeluaran produk untuk memaksimumkan keuntungan	Barang awam untuk semua rakyat	Pengeluaran produk untuk memaksimumkan kebajikan

Pasangan yang manakah betul?

Negara	Keterangan
I      X	Sumber ekonomi milik pihak persendirian dan kerajaan
II     X	Pengeluaran berskala besar dan memaksimum keuntungan
III    Y	Harga barang ditentukan oleh pemerintah dan kuasa pasaran
IV    Y	Corak agihan barang berdasarkan kuasa beli dan kemampuan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 7 Apakah cara sistem ekonomi kapitalis menyelesaikan masalah *untuk siapa dikeluarkan?*
- A Pengeluaran bagi mencapai kebijakan pengguna
  - B Memasarkan barang berdasarkan pendapatan rakyat
  - C Penghasilan mengikut kehendak pelanggan di pasaran
  - D Meminimumkan kos bagi penuhi permintaan masyarakat
- 8 Pernyataan yang manakah betul tentang perubahan dalam kuantiti ditawar?
- A Pergerakan titik berlaku di atas keluk yang sama
  - B Pengurangan penawaran apabila harga jatuh
  - C Keluk akan beralih ke kanan atau ke kiri
  - D Kesan kenaikan kos pengeluaran
- 9 Jadual 2 menunjukkan perubahan penawaran SMART TV di Malaysia pada bulan Julai berbanding bulan Januari.


<b>Harga (RM)</b>	<b>Jumlah penawaran (unit)</b>	
	<b>Januari</b>	<b>Julai</b>
2 500	10 000	12 500

Jadual 2

Apakah yang menyebabkan perubahan penawaran tersebut?

- A Matlamat pengeluar untuk kuasai pasaran
- B Belanja penggunaan bahan api semakin tinggi
- C Kerajaan menaikkan cukai import bahan mentah
- D Jangkaan harga barang akan naik pada masa depan

- 10 Rajah 2 menunjukkan keluk keseimbangan pasaran bagi suatu barang.




Rajah 2

Pernyataan yang manakah betul tentang rajah di atas?

- I Berlaku lebihan penawaran sebanyak 50 unit
  - II Harga barang cenderung jatuh sebanyak RM8
  - III Permintaan pasaran berubah dari 30 ke 40 unit
  - IV Firma menetapkan harga keseimbangan pada RM10
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 11 Rajah 3 menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran.



Rajah 3

Pernyataan yang manakah betul tentang rajah di atas?

- A Pergerakan titik keseimbangan ke E<sub>1</sub> kesan pertambahan bilangan pengeluar
  - B Jangkaan harga akan naik menyebabkan keluk permintaan beralih dari D<sub>0</sub> ke D<sub>1</sub>
  - C Harga meningkat ke RM15 apabila berlaku lebihan permintaan sebanyak 20 unit
  - D Kuantiti keseimbangan naik kepada 14 unit ditentukan melalui persetujuan firma
- 12 Syarikat XYZ meningkatkan penawaran beg plastik daripada 160 unit kepada 260 unit apabila harga naik daripada RM1.50 kepada RM2.00.
- Berapakah nilai keanjalan harga penawaran bagi barang tersebut?

- A 0.53
- B 0.87
- C 1.54
- D 1.88

- 13 Jadual 3 menunjukkan peratus perubahan kuantiti dan harga ditawar suatu barang.

Jenis barang	Peratus perubahan kuantiti	Peratus perubahan harga
S	12	8

Jadual 3

Pernyataan yang manakah betul tentang barang tersebut?

- A Produk pertanian merupakan contoh bagi barang tersebut
- B Melibatkan tambahan kos yang kecil apabila kuantiti ditambah
- C Menunjukkan keluk yang mempunyai kecerunan yang lebih curam
- D Peningkatan harga yang kecil menyebabkan pengurangan yang banyak

- 14 Apakah fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada kerajaan?

- I Mengubah kadar rizab berkanun
  - II Memberi pendahuluan sementara
  - III Mengurus kadar pertukaran asing
  - IV Menjadi sumber pinjaman terakhir
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 15 Pernyataan yang manakah betul tentang deposit semasa?

- A Pengeluaran wang mengikut tempoh matang yang ditetapkan
- B Pelanggan disediakan kemudahan pinjaman overdraf
- C Penyimpanan dibuat dalam tempoh masa tertentu
- D Pemegang akaun mendapat buku simpanan

- 16 Pilih pasangan yang betul.

	Sektor ekonomi	Contoh pekerjaan
A	Ketiga	Pengurus ladang kelapa sawit
B	Kedua	Pengurus kilang minyak kelapa sawit
C	Kedua	Pengurus jualan minyak sawit bertapis
D	Utama	Pengurus pengangkutan lori tangki minyak sawit

17 Pernyataan yang manakah betul tentang faedah sampingan dalam pemilihan pekerjaan?

- A Suasana tempat bekerja yang selesa
- B Tempoh masa untuk ke tempat kerja cepat
- C Peluang kenaikan pangkat dalam tempoh bekerja
- D Kemudahan pengangkutan ke tempat kerja disediakan

18 Jadual 4 menunjukkan penerimaan dan pembayaran oleh Puan Azi dalam tempoh sebulan.

Butiran	RM
Gaji	5 000
Sewa diterima	500
Potongan cukai pendapatan berjadual	110
Premium insurans kenderaan	250
KWSP	550
Zakat	120

Jadual 4

Berapakah pendapatan boleh guna Puan Azi pada bulan tersebut?

- A RM4 470
- B RM4 590
- C RM4 720
- D RM4 830

19 Apakah kelebihan pembayaran secara kredit dalam urus niaga?

- A Menikmati diskain harga semasa pembelian barang
- B Meringankan beban kewangan melalui bayaran bulanan
- C Mendapat hak milik terus selepas selesai membuat bayaran
- D Menggalak berbelanja secara berhemat berdasarkan baki wang

20 Susun langkah yang betul bagi penyediaan belanjawan peribadi.

- I Mencatat semua jenis perbelanjaan
  - II Mengimbangi pendapatan dengan perbelanjaan
  - III Menyusun perbelanjaan berdasarkan keutamaan
  - IV Menyenarai pelbagai punca pendapatan yang diterima
- A III, II, I dan IV
  - B II, III, IV dan I
  - C I, IV, II dan III
  - D IV, I, III dan II

21 Pasangan yang manakah betul tentang jenis input berikut?

	Jenis input	Keterangan
A	Input tetap	Penggunaan input wujud apabila pengeluaran bermula
B	Input tetap	Berhubung secara langsung dengan tingkat output
C	Input berubah	Wujud dalam jangka masa pendek dan panjang
D	Input berubah	Contoh input ialah tapak kilang

22 Maklumat di bawah berkaitan dengan kos dan jumlah keluaran bagi sebuah firma.

■ Kos berubah	RM60
■ Kos purata	RM4
■ Jumlah keluaran	25 unit

Berapakah kos tetap bagi firma tersebut?

- A RM15
- B RM40
- C RM64
- D RM100


23 Maklumat berikut berkaitan dengan kos purata, jumlah keluaran dan harga seunit bagi Syarikat Daia Berhad.

■ Kos purata	RM10
■ Jumlah keluaran	150 unit
■ Harga jualan seunit	RM12

Berapakah keuntungan bagi syarikat tersebut?

- A RM180
- B RM300
- C RM1 680
- D RM1 800

24 Gambar 2 menunjukkan projek pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).



Gambar 2


Apakah faedah sosial daripada projek tersebut?

- A Meningkatkan hasil kerajaan negeri daripada aktiviti pelancongan tempatan
  - B Pekerja binaan mendapat gaji lumayan melalui kerja lebih masa
  - C Kontraktor utama memperoleh keuntungan yang lebih tinggi
  - D Mengurangkan kesesakan jalan raya pada musim perayaan
- 25 Pernyataan yang manakah betul tentang inflasi tolakan kos?
- A Wujud lebihan permintaan dalam pasaran
  - B Nilai Ringgit Malaysia mengalami peningkatan
  - C Pertambahan jumlah modal dalam proses pengeluaran
  - D Harga bahan mentah yang diguna dalam operasi firma mahal
- 26 Pernyataan yang manakah betul tentang kesan pengangguran dalam ekonomi?
- A Jurang pendapatan masyarakat semakin kecil
  - B Meningkatkan pengaliran wang ke luar negara
  - C Kemasukan buruh asing akan bertambah
  - D Berlaku pembaziran sumber ekonomi
- 27 Tindakan kerajaan yang manakah dapat mengawal kemelesetan ekonomi dalam negara?
- A Mengamalkan belanjawan lebihan
  - B Melaksana dasar fiskal menguncup
  - C Menaikkan perbelanjaan pembangunan
  - D Mengurangkan lebihan permintaan agregat

- 28** Pilih pasangan yang betul tentang perbelanjaan kerajaan.

Perbelanjaan kerajaan	Keterangan
Mengurus	Bersifat berulang-ulang setiap tahun
Mengurus	Membayai projek pelaburan modal fizikal
Pembangunan	Tujuan untuk melancarkan pentadbiran negara
Pembangunan	Pembelian bekalan dan bahan untuk kegunaan pejabat

- 29 Maklumat berikut berkaitan tindakan bank pusat dalam ekonomi.



**Apakah tindakan tersebut?**

- A Melaksanakan dasar kewangan mengembang
  - B Menurunkan nisbah rizab berkanun
  - C Menaikkan kadar faedah pinjaman
  - D Melonggarkan syarat sewa beli

- 30 Apakah tujuan pelaksanaan kuota dalam perdagangan antarabangsa?

- A Meningkatkan daya saing barang import
  - B Melindungi industri muda tempatan
  - C Menjamin keselamatan negara
  - D Menambahkan hasil kerajaan

31 Antara yang berikut, yang manakah betul tentang komposisi import tak nampak negara?

- I Encik Ahmad dan keluarga bercuti ke Danau Toba, Indonesia
  - II Rakyat asing menggunakan pengangkutan penerbangan milik MAS
  - III Buruh mahir tempatan memilih bekerja dalam sektor pembinaan di Dubai
  - IV Pasukan bola sepak kebangsaan menggunakan khidmat jurulatih dari Korea
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

32 Jadual 5 menunjukkan eksport dan import nampak negara M pada suatu tahun.

Butiran	Jumlah (RM juta)
Eksport kayu balak	9 948
Eksport gas asli cecair	11 300
Eksport barang perkilangan	317 937
Import barang modal	47 064
Import barang perantaraan	230 611


Jadual 5

Pasangan yang manakah betul tentangimbangan dagangan negara tersebut?

Jenis imbalan	Jumlah (RM juta)
A Lebihan	61 510
B Kurangan	61 510
C Kurangan	339 185
D Lebihan	339 185

- 33 Maklumat berikut menunjukkan kegiatan urus niaga perdagangan antarabangsa Amerika Syarikat dengan Malaysia.

**AMERIKA SYARIKAT**



1	Membekal peralatan mesin dan jentera kepada syarikat pelaburan di Petaling Jaya.
2	Penghantaran alatan tersebut menggunakan kapal kargo milik MISC Berhad.

**MALAYSIA**

Pilih pasangan yang betul.

	Aktiviti	Keterangan
A	1	Permintaan bagi Ringgit Malaysia meningkat
B	1	Eksport barang nampak negara bertambah
C	2	US Dolar yang ditawarkan makin banyak
D	2	Aliran keluar mata wang tempatan tinggi

- 34 Situasi yang manakah berlaku penawaran ke atas Ringgit Malaysia?
- A Pemborong Anis menerima bekalan pakaian wanita dari China
  - B Syarikat petroleum Kuwait membuat pelaburan cari gali minyak di Sabah
  - C Encik Amran dari Brunei melawat anaknya belajar di Universiti Islam Antarabangsa
  - D Sime Darby Berhad membawa pulang keuntungan pelaburan ladang sawit di Sumatera
- 35 Maklumat berikut menunjukkan perubahan kadar pertukaran antara Dolar Amerika (USD) berbanding Ringgit Malaysia (RM).

Jan 2019	→	Jan 2020
USD1 = RM4.13		USD1 = RM4.08

Pernyataan yang manakah betul tentang perubahan kadar pertukaran tersebut?

- A Harga eksport dari Malaysia di Amerika Syarikat murah
- B Permintaan ke atas import Amerika Syarikat merosot
- C Penawaran Ringgit Malaysia akan berkurang
- D Imbangan dagangan cenderung negatif

**Soalan 36 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.**

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 36      I    Hukum permintaan menunjukkan semakin tinggi harga sesuatu barang semakin kurang kuantiti diminta.  
        II   Hubungan negatif antara harga dengan kuantiti diminta pada hukum permintaan dibuktikan oleh keluk mencerun ke atas dari kiri ke kanan.
- 37      I    Jangka masa pendek merujuk kepada satu tempoh masa di mana firma dapat mengubah input tetap dan input berubah.  
        II   Dalam jangka masa pendek, wujud hubungan langsung antara pengguna input tetap dengan jumlah output.
- 38      I    Eksternaliti ialah kesan luaran yang ditanggung oleh pihak ketiga akibat daripada aktiviti pengeluar dalam kegiatan ekonomi.  
        II   Eksternaliti positif berlaku apabila masyarakat dapat menikmati faedah daripada aktiviti pengeluar tanpa dikenakan bayaran.
- 39      I    Dasar harga maksimum ialah tindakan kerajaan menetapkan harga yang lebih tinggi daripada harga keseimbangan.  
        II   Pelaksanaan dasar harga maksimum adalah untuk menjaga kebijakan pengguna.
- 40      I    Indeks harga pengguna ialah ukuran tentang perubahan harga barang bagi suatu tahun berbanding tahun asas dalam ekonomi.  
        II   Indeks harga pengguna meningkat menunjukkan kos sara hidup pengguna telah menurun.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**